

NO. SOALAN : 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
JOSEPH PAIRIN KITINGAN  
[ KENINGAU ]**

**TARIKH : 22 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilakah Kementerian dapat mengeluarkan peruntukan sebanyak RM1.1 juta yang telah diumumkan semasa lawatan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia ke daerah Keningau pada Mac 2017 dan juga bilakah peruntukan bagi perpindahan Batu Sumpah sebanyak RM170,000 daripada Warisan Negara dapat diperoleh.

75

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM1.1 juta di bawah Rolling Plan Kedua (2017-2018), Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RP 2, RMKe-11) bagi Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Relokasi Batu Sumpah Peringatan Mengikut Perlembagaan, Keningau, Sabah (Fasa 1).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop projek ini merangkumi kerja-kerja pemindahan Batu Sumpah, landskap, memulihkan plak Batu Sumpah dan menaiktaraf tempat letak kereta. Status semasa pelaksanaan projek ini adalah di peringkat perolehan perunding bagi memuktamadkan rekabentuk di tapak baharu batu sumpah tersebut. Kerja-kerja pemindahan batu sumpah ini dijangka dapat dilaksanakan pada April 2018 setelah kerja-kerja pembersihan dan penyediaan tapak selesai dilaksanakan. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2019.

Sekian, terima kasih.